

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25 / 08 / 2007

Malaysia rakan niaga berdaya maju ASEAN

KUALA LUMPUR 24 Ogos – Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, komuniti perniagaan Jepun seharusnya melihat Malaysia sebagai rakan perniagaan yang berdaya maju dalam kerangka kerja ASEAN.

“Perkumpulan serantau itu dengan jumlah penduduk lebih 56 juta dan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kira-kira AS\$1.1 trilion (AS\$1 = RM3.49), merupakan pasaran yang menguntungkan.

“Malaysia boleh digunakan sebagai batu loncatan untuk menembusi pasaran lain dalam ASEAN,” kata beliau kepada kira-kira 200 ahli perniagaan Jepun pada Seminar Perniagaan Malaysia-Jepun di sini

hari ini.

Seminar berkenaan diadakan bersempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe ke Malaysia. Abe tiba di sini malam tadi.

Abdullah berkata, kebanyakan tarif akan dihapuskan apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN direalisasikan sepenuhnya pada 2015, yang akan menjadikan ASEAN satu komuniti ekonomi, menjadikan rantau ini pasaran tunggal.

Abdullah berkata, Malaysia akan terus mengalu-alukan penyertaan komuniti perniagaan Jepun dalam pembangunan ekonomi negara ini.

“Anda boleh membantu Malaysia mencapai sasarannya untuk menja-

di negara maju sepenuhnya menjelang 2020, dan berkongsi dalam faedah pertumbuhan dan kemakmuran,” kata beliau.

Abdullah berkata, Malaysia telah membuka laluan baru untuk peluang perniagaan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga termasuk pelancaran wilayah pembangunan ekonomi di Johor Selatan dan Koridor Utara baru-baru ini.

“Saya ingin menarik perhatian anda kepada kedua-dua wilayah pertumbuhan baru ini di Malaysia,” katanya.

Abdullah berkata, Malaysia kini merupakan satu daripada ekonomi paling terbuka di dunia.

— Bernama

UM - 25/8/2007